

No. Soalan: 307
PR-1361-T02209

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**
- DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA**
[PARIT BUNTAR]
- SOALAN : Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah yang dilakukan oleh ASEAN untuk menekan Myanmar atas jenayah dilakukan ke atas masyarakat Myanmar.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Parit Buntar atas soalan yang diajukan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, krisis yang melanda Wilayah Rakhine dan etnik Rohingya merupakan sebuah krisis dalaman di Myanmar yang mempunyai kesan-kesan limpahan yang menjangkau ke peringkat serantau. Oleh yang demikian, Malaysia terus prihatin ke atas situasi yang berlaku di Wilayah Rakhine, Myanmar serta di Cox's Bazar, Bangladesh.

3. Kerajaan serta pucuk pimpinan Negara sentiasa mengutarakan isu ini di setiap mesyuarat, rundingan atau interaksi dengan masyarakat antarabangsa di platform-platform yang bersesuaian demi mendapatkan sokongan secara politik dan kerjasama oleh masyarakat antarabangsa untuk meringankan keperitan hidup etnik Rohingya, serta beban yang ditanggung oleh Bangladesh sebagai negara hos kepada lebih 1 juta pelarian Rohingya.

4. Malaysia telah berusaha di semua peringkat, sama ada di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa untuk menghentikan kekejaman yang berlaku ke atas etnik Rohingya di Wilayah Rakhine, serta menggalakkan kerjasama di antara Myanmar dan Bangladesh untuk

menempatkan semula etnik Rohingya di Wilayah Rakhine, yang telah didiami mereka sejak zaman berzaman.

5. Menjurus kepada ASEAN, Kerajaan terus berusaha untuk mendapatkan kata sepakat untuk menzahirkan keprihatinan serantau kepada isu ini. Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia merupakan negara pertama yang membawa isu wilayah Rakhine untuk dibincangkan di forum ASEAN.

6. Walau bagaimanapun, ingin ditekankan bahawa pada masa ini, negara-negara ahli ASEAN tidak sependapat dalam isu krisis kemanusiaan melibatkan etnik Rohingya. Sebahagian daripada negara ahli ASEAN berpandangan bahawa Kerajaan Myanmar perlu diberi masa dan ruang untuk memulihkan keadaan di Wilayah Rakhine. Sebaliknya, Malaysia berpandangan bahawa Kerajaan Myanmar perlu digesa untuk lebih telus dan saksama dalam usaha-usaha mengembalikan keharmonian di Wilayah Rakhine.

7. Dalam hal ini, Malaysia telah menzahirkan kekecewaannya ke atas pendekatan berkecuali oleh ASEAN. Walaupun begitu, Malaysia tetap komited kepada ASEAN, terutamanya dalam usaha-usaha menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang terkesan. Menerusi ASEAN *Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre)* yang berpengkalan di Subang, Malaysia, ASEAN telah menyalurkan sebanyak 40 tan bantuan kemanusiaan yang telah tiba di Yangon, Myanmar pada 13 Oktober 2017 yang lalu. Baru-baru ini pada bulan Februari 2018, Malaysia telah menghulurkan bantuan tambahan kepada Myanmar sebanyak USD 100,000 menerusi AHA

Centre untuk memperoleh peralatan-peralatan dan keperluan pelarian Rohingya yang akan pulang ke Wilayah Rakhine.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Mengambil kira bahawa ASEAN bergerak atas dasar kesepakatan (consensus), pada masa ini Kerajaan tidak melihat bahawa isu etnik Rohingya dapat dibawa ke hadapan melalui ASEAN. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus mengutarakan isu ini di platform-platform ASEAN yang sesuai, termasuklah semasa interaksi antara Pemimpin-pemimpin Negara dengan Pemimpin-Pemimpin Negara Ahli ASEAN untuk memastikan bahawa isu ini akan sentiasa berada dalam perhatian negara-negara serantau bagi mencapai penyelesaian yang terbaik untuk isu ini.

Sekian, terima kasih.